REALITI GRADUAN MASA KINI

> Lihat muka 18 & 19

Oleh NURUL NAFISAH MAZLAN

RENCANA UTAMA

SYAHMI mempunyai hampir 2 juta pengikut di laman YouTube manakala di laman Instagram pula 1.5 juta pengikut.

SEORANG peminik akaun Twitter berkongsi perkembangan hidupnya yang kini menjadi jurujual barang kaca walaupun merupakan graduan kejuruteraan mekanikal.

SYAHMI bersama isteri, Anisa Faizal dan anak perempuan mereka, Airul Marshiah.

Takdir bekerja di luar bidang pengajian

Biarpun berlatar pendidikan yang hebat seperti mengikuti jurusan kejuruteraan, sains teknologi mahupun perubatan, tetapi atas banyak faktor, para graduan hari ini terpaksa berkorban melakukan apa saja kerja bagi meraih mata pencarian.

"SAYANG, B raso kito tokleh (tidak boleh) teruskan hubungan ini. Sayang... sayang budoh! (bodoh). B (nok bok ceney (tak yang cantik) lagi," kata **Syahmi Sazli**, 22, yang ingin memutuskan hubungan dengan teman wanitanya.

Kata-kata itu membuatkan teman wanitanya begitu kecewa kerana tidak memiliki wajah dan perwatakan menarik, Syahmi telah meninggalkan teman wanitanya di restoran KFC, Sekoyen 7, Shah Alam Selangor.

Perbuatan remaja dari Kelantan itu telah menimbulkan kemarahan mereka yang menonton vlog YouTube lakonan Syahmi dan rakan wanitanya yang direkodkan pada 2016.

Video yang direkodkan Syahmi yang pada mulanya hanya sekadar suka-suka itu telah menjadi titik permulaan kartierya sebagai blogger dan YouTuber terkenal pada masa ini.

"Ada dua orang kawan perempuan turut sama dalam video itu. Mereka lah yang ada dalam video pertama yang tular itu. Nama video tu *Jete PWR Rapo (Awtar PWR Rapo)*. Ia mengenai lelaki yang tinggalkan teman wanita sebab makanya hodoh," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Kebetulan, nama Syahmi yang merupakan graduan diploma dalam bidang kejuruteraan elektrik itu juga hangat baru-baru ini apabila tercetus kontroversi antara dirinya dengan seorang remaja autisme, Mohd Asyif Suhaimi atau Asif.

Imbas Syahmi, ketika membikin video pertama yang tular itu, dia dan rakan yang lain sedang membuat tugasan pengajian bersama-sama namun bersu bosan.

"Malam itu kami sedang membuat tugasan berkumpulan tetapi saya bosan, jadi saya rekod video dan cuba berlakon," ujarnya.

Peluang kerja terbuka

Sejak video tersebut tular di laman sosial, banyak syarikat yang menghubunginya untuk bekerjasama dalam menghasilkan video promosiran.

Sejak itu berbekalkan Diploma Kejuruteraan Elektrik daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dungun, Terengganu, dia nekad menceburkan minatnya dalam bidang rakaman video.

Walaupun mempunyai latar belakang pelajaran yang berbeza dengan apa yang dilakukannya kini, bintang Youtube, Syahmi menganggap resti kedua itu bagaiya yang membuatkannya berjaya sehingga mencapai status kewangan yang mengagumkan.

Kini, Syahmi mempunyai hampir 2 juta pengikut di laman YouTube manakala di laman Instagram pula 1.5 juta pengikut.

Dilema peluang pekerjaan terhad dan tidak setaraf dengan bidang yang dipelajari bukan sahaja dialami oleh graduan diploma dan ijazah sarjana muda, sebaliknya di peringkat lebih tinggi.

Inilah realiti yang dihadapi oleh ramai graduan di luar sana. Walaupun mempunyai latar pendidikan yang hebat seperti dalam jurusan kejuruteraan, undang-undang, sains teknologi mahupun perubatan, tetapi atas banyak faktor mereka terpaksa berkerdan dengan melakukan apa-apa sahaja pekerjaan yang dapat mendatangkan sumber kewangan.

Menurut seorang lelaki berasal dari Marang, Terengganu yang hanya mahu dikenali sebagai **Azri**, 25, sebelum tamat pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal hampir setahun lalu, dia masih belum mendapat rezeki untuk bekerja dalam bidang tersebut.

"Disebabkan perlu bekerja untuk membayar kembali pinjaman pelajaran berjumlah RM42,000 serta menyara hidup, saya berniaga air jambu di pekan Marang.

"Malu atau tidak, hidup perlu diteruskan. Apa yang penting kerja yang saya buat halal dan dapat mendatangkan faedah," ujarnya yang tetap tidak berputus asa untuk terus mencari pekerjaan yang setimpal dengan kelolehannya.

Hebah baru-baru ini di media sosial Twitter apabila ramai siswazah berkongsi pengalaman mereka bekerja di bidang lain namun bekerja di bidang berbeza.

Berdasarkan perkongsian ringkas yang tular, pemilik Twitter dengan nama akaun Farhan Fund memuat naik cuipan bahawa dia telah menghabiskan masa selama empat tahun untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan kini bekerja sebagai jurujual di Pandora.

Pemilik nama Ansers Nas pula menulis di

GRADUAN perlu memiliki pelbagai kelolehan lain untuk terus bersaing dalam pasaran pekerjaan yang semakin mencabar. – Gambar hiasan

RENCANA UTAMA

Twitter, dia yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran dan Sumber Manusia kini menjawat jawatan sebagai seorang juruswat pergigian.

Bersyukur

Daripada perkongsian itu juga didapati kebanyakan daripada mereka merupakan graduan pintar yang kini bekerja sebagai penghantar makanan di syarikat-syarikat penghantar makanan seperti Food Panda dan Grab Food.

Tidak kurang juga ada yang mencebirkan diri dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, pemasaran, kemanusiaan dan seni sehingga bersinar hari ini.

Bersyukur dengan rezeki dan kelolehan lain daripada apa yang dipelajari di menara gading adalah satu sifat yang perlu disemai sejak awal lagi.

Pegawai Penyelidik Laboratori Kewarganegaraan dan Kepimpinan Belia, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Jeffrey Lawrence D'Silva berkata, minda graduan perlu disemai dengan semangat keusahawanan dan rasa bersyukur.

JEFFREY

"Mereka yang mempunyai semangat keusahawanan akan sentiasa berusaha untuk merebut peluang yang ada. Daripada itu mereka akan terus maju setapak demi setapak.

"Di samping itu rasa bersyukur juga akan menyebabkan siswazah tidak mengeluh tentang tiada pekerjaan sebaliknya merebut pekerjaan yang ada supaya dapat mencari pendapatan pada setiap bulan," ujarnya.

Dalam pada itu, tambahnya, jika graduan mengenggur terlalu lama, mereka akan menjadi kurang diperhakan pasaran, kemungkinan terlibat dalam kegiatan mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat dan tidak dapat menguasai kemahiran yang perlu ada dalam alam pekerjaan.

Ujar Jeffrey, ia akan memberi kesan kepada kerjaya pada masa hadapan kerana persepsi dalam kalangan majikan ialah graduan sedemikian tidak berdaya maju serta kurang inovatif untuk mendapatkan pelbagai peluang pekerjaan yang ada dalam era digital ini.

"Sepatutnya graduan sebagai kumpulan milenial perlu menggunakan sepenuhnya peluang yang terbidang dalam dunia digital untuk menjadi usahawan digital yang berjaya.

"Majikan pastinya akan kecewa apabila mendapati graduan menganggur terlalu lama dan ini menunjukkan individu tersebut kurang mampu untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan sesuatu organisasi," jelasnya.

Katanya, dalam keadaan sekarang, ramai graduan berjaya ialah mereka yang bersedia untuk bekerja tanpa memberi perhatian yang khusus sama ada pekerjaan tersebut adalah selari dengan kelulusan mereka atau sebaliknya.

Pengalaman

"Ini kerana mereka percaya alam pekerjaan akan memberikan mereka pengalaman yang berguna tentang apa yang diharapkan.

"Ilmu ini mereka tidak dapat peroleh di menara gading dahulu. Sebenarnya jika mereka mampu bekerja di bidang berbeza ini menunjukkan kebebatan mereka melakukan pelbagai kerja dan pastinya ia akan menggembirakan bekal majikan mereka," jelasnya lagi.

Tambah pula, dalam dunia pekerjaan sekarang, sepek kepelbagaian perlu ada pada setiap pekerja agar mereka dapat melakukan variasi tugas sekiranya situasi tersebut wujud.

Sementara itu, **Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk. Dr. Mohammad Shatar Sabran** berkata, keadaan siswazah bekerja bukan dalam bidang yang dipelajari mungkin agak janggal di Malaysia namun di negara-negara maju yang lain ia adalah fenomena biasa.

"Perkara biasa sebenarnya apabila pelajar tidak bekerja dalam bidang yang selari dengan apa yang dipelajari mereka.

"Apa yang penting ialah siswazah dapat menggunakan pakai pengalaman yang ditimba sepanjang di universiti itu," tuturnya.

PENGHANTAR makanan merupakan salah satu pekerjaan yang semakin banyak diceburi graduan. – Gambar hiasan

INFO

Pengangguran di Malaysia

- Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada suku pertama 2019, negara mencatatkan seramai 515,600 pengangguran
- Jabatan Statistik Malaysia dan Tinjauan Ekonomi 2019 Kementerian Kewangan melaporkan kadar pengangguran negara mengikut kaum menunjukkan pengangguran siswazah Melayu mencapai 4.6 peratus; pendidikan menengah 4 peratus, pendidikan rendah 1.9 peratus dan tiada pendidikan formal 1.5 peratus
- Tinjauan utama Kajian Pengesanan Siswazah yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 2015 mendapati kadar pengangguran dalam kalangan anak-anak daripada keluarga berpendapatan bawah RM1,000 sebulan mencapai 42 peratus di peringkat diploma dan 28.1 peratus untuk peringkat ijazah sarjana muda

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia

Positif mendepani dunia pekerjaan

GRADUAN yang mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan adalah graduan yang serba boleh.

Apa yang paling penting, graduan itu sendiri harus berlapang dada dengan menerima cabaran baharu dan melihat kerja yang dilakukan itu adalah peluang baik untuk membina kehidupan pada masa hadapan.

Pakar pembelajaran dan perkembangan Leaderonomics, Sarah Waheeda Muhammad Hafidz berkata, dari pandangan mata industri, tidak ada salahnya untuk graduan diambil bekerja dalam bidang berbeza, malahan ini mungkin dilihat sebagai satu kekuatan diri graduan itu di mana dia mampu menyesuaikan dan mengadaptasi dirinya kepada satu situasi yang mungkin asing bagi dirinya.

SARAH WAHEEDA

"Ini adalah berkait dengan *mindset* (tetapan minda) graduan itu sendiri.

"Terpulang sama ada seseorang itu melihat ini sebagai satu peluang yang lebih baik untuknya atau pun seseorang itu melihat ia sebagai satu kegagalan dalam hidupnya," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Tambah Sarah, apabila bekerja dalam bidang yang berbeza, graduan akan dapat menambah kemahiran dan pengetahuan mereka dan ini akan membantu untuk jangka yang panjang.

Tidak kirelah seseorang itu bekerja dalam bidang pengajiannya atau bidang yang berbeza, hanya diri sendiri mampu menentukan jalan di masa hadapan.

"Saya tidak mengatakan tidak bagus untuk bekerja dalam bidang yang dipelajari, cuma saya mahu graduan mengubah tetapan minda mereka dan menjadi lebih positif dalam dunia pekerjaan.

"Bagaimanapun, graduan perlu juga ingat bukan semua bidang boleh diceburi oleh graduan yang bukan daripada bidangnya, contohnya bidang-bidang yang memerlukan latihan spesifik," tuturnya.